

# Urus dana Islam RM1.3 bilion

**C**IMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd, usaha sama antara CIMB Group dengan firma pelaburan Amerika Syarika (AS), Principal Global Investors, yakin meningkatkan nilai dana yang diuruskannya sebanyak AS\$400 juta (RM1.3 bilion) lagi menjelang akhir tahun ini daripada AS\$1.3 bilion (RM4.55 bilion) yang diuruskannya setakat 30 Jun lalu.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Noripah Kamso, berkata keyakinan itu bersandarkan pada peningkatan permintaan terhadap dana Islam khususnya dalam persekitaran ekonomi pasca krisis kewangan.

“Krisis kewangan membuatkan pelabur runcit dan

institusi memberi penekanan kepada produk pelaburan yang berintegriti, bersih, telus serta diterajui oleh pengurusan risiko yang ketat dan dilabur dalam aset yang nyata.

“Ciri-ciri itu semua dalam dalam dana Islam, justeru kami di CIMB-Principal Islamic sedia untuk berdepan apa juga cabaran selepas krisis untuk meneroka sepenuhnya potensi yang ada dalam pelaburan Islam,” katanya kepada pemberita, di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian selepas taklimat media mengenai hasil kaji selidik yang dikendalikan bersama antara Principal Global Investors, Citi Group, Financial Times dan Create-Research menge-

nai ‘Masa Depan Pelaburan: Apakah Langkah Seterusnya’.

Turut hadir, Ketua Pegawai Operasi Principal Global Investors, Barbara McKenzie dan Pengarah Urusan Principal Global Investors (S) Ltd Asia ex Japan, Kirk West.

Kaji selidik yang dibuat baru-baru ini mendapat maklum balas daripada 225 pengurus aset dan dana pencen di 30 negara yang menguruskan aset bernilai AS\$18.2 trilion.

Noripah berkata, dalam tempoh 10 tahun lalu dana pelaburan Islam mengalami turun naik aktif dan hasilnya pertumbuhan aset Islam mampu meraih prestasi yang menyamai pelaburan konvensional.